

NO SOALAN :178**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD
(PASIR PUTEH)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa banyak peruntukan yang telah diberikan kepada Kerajaan Negeri Kelantan dalam bentuk geran dan pinjaman oleh Kerajaan Pusat selama lima tahun yang lepas. Berikan pecahan terperinci kepada perbelanjaan ini dan wang ihsan yang telah diberikan kepada Kerajaan negeri atau Majlis Agama Islam Negeri Kelantan.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tempoh lima tahun yang lepas iaitu mulai tahun 2012 hingga 30 Jun 2017, pinjaman sebanyak RM290.60 juta telah dikeluarkan kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Daripada jumlah ini, sebanyak RM226.27 juta adalah bagi membiayai projek bekalan air dan baki sebanyak RM64.34 juta adalah bagi projek

pelbagai.

Manakala, Pemberian yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri Kelantan adalah berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, Undang-undang dan keputusan-keputusan Majlis Kewangan Negara. Jumlah Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Kelantan sejak lima (5) tahun yang lalu adalah seperti berikut:

Pemberian	2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)
Mengikut Bilangan Penduduk	24,980,040	24,407,540	25,866,960	24,747,480	25,055,280
Penyelenggaraan Jalan Raya	132,780,751	178,591,612	185,649,858	192,401,867	134,681,307
Tahap Ekonomi dan Infrastruktur	28,597,000	28,597,000	28,597,000	28,597,000	28,597,000
Senarai Bersama	18,567,703	20,424,474	22,711,465	23,864,428	24,473,656
Pertambahan Hasil	28,305,690	27,679,408	27,407,270	28,604,217	-
Geran Keseimbangan	21,930,518	21,930,518	21,930,518	21,930,518	20,796,228
Perkhidmatan	48,370,226	25,850,776	16,137,424	8,833,494	29,424,370
Kekurangan Akaun Mengurus	55,703,477	86,048,291	95,091,553	67,175,242	-
Bil Lampu Jalan dan Isyarat	1,288,449	1,644,261	1,786,025	2,125,457	2,114,815
Muzium Kelantan	1,095,153	1,166,177	1,184,754	1,118,971	218,440
Perpustakaan	1,303,771	1,284,718	1,284,718	1,336,107	859,087
JUMLAH	362,922,778	418,624,775	427,647,545	400,734,781	266,400,162

Melalui perjanjian yang telah dimeterai pada 14 Mac 2016, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju menyalurkan Dana Wang Ehsan Negeri Kelantan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Sehingga kini sebanyak RM20.3 juta telah disalurkan kepada MAIK bagi projek pembangunan pendidikan, pembangunan modal insan dan infrastruktur. Pecahan perbelanjaan yang dilaksanakan oleh MAIK adalah seperti berikut:

BIL	JABATAN /PROGRAM	PERBELANJAAN (RM)
1	Yayasan Islam Kelantan (Projek Infrastrukur Bangunan dan Pendidikan)	7,830,000.00
2	Jabatan Kerja Raya (Projek Infrastruktur dan Naiktaraf Awam)	2,100,000.00
3	Majlis Perbandaran Kota Bharu (Projek Infrastruktur dan Naiktaraf Awam)	2,500,000.00
4	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Kelantan (Projek Infrastruktur dan Naiktaraf Saliran)	2,500,000.00
5	Jabatan Air Negeri Kelantan (Projek Infrastruktur dan Naiktaraf Bekalan Air)	500,000.00
6	Program Pembangunan Modal Insan	870,000.00
7	Peruntukan Pengurusan	2,000,000.00
8	Peruntukan Luar Jangka	2,000,000.00
	JUMLAH	20,300,000.00

Bagi butiran yang lebih terperinci, Yang Berhormat boleh merujuk perkara tersebut kepada pihak MAIK.